



KUNJUNGAN Amir (duduk tengah) bersama Dr. Murnizam (duduk kanan), Dr. Monica (duduk Kiri) dan Dr. Geoffery dan rombongan bergambar kenangan sempena kunjungan itu.

NST 17.12.2014 4

Pengerusi Perbadanan Labuan terima kunjungan hormat Pengarah UMSKAL

LABUAN: pengerusi Perbadanan Labuan, Dato' Seri Amir Hussien menerima kunjungan hormat Pengarah Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof Dr. Murnizam Halik di pejabatnya Tingkat 10, Menara Perbadanan Labuan, kelmarin.

Turut menyertai Timbalannya, Prof. Madya Dr. Geoffery H. Tanakinjal dan Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan UMS, Prof. Madya Dr. Monica Suleiman.

Kunjungan lebih satu jam itu bertujuan untuk membincangkan hubungan kerjasama antara UMS dan Perbadanan Labuan melalui penyelidikan dalam pelbagai bidang

terutamanya berkaitan pelancongan Labuan.

Dato' Seri Amir berkata, pelancongan Labuan perlu mempunyai identity tersendiri dan berpotensi untuk dimajukan dengan mempelbagaikan produk pelancongan.

Katanya, Labuan sering dianggap sama seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, sedangkan pulau ini masih banyak aktiviti berkaitan pelancongan yang boleh diterokai.

"Perbadanan Labuan bersedia membantu serta mengalu-alukan kerjasama dengan UMS dalam mengadakan program yang dapat menyumbang kepada komuniti di sini" katanya.

Sementara itu, Prof. Dr. Murnizam berkata UMS bercadang untuk menjalankan kaji selidik awal yang berkaitan untuk melihat peluang dan potensi Labuan sebagai sebuah pulau pelancongan dan seterusnya dapat menarik lebih ramai pengunjung untuk datang ke pulau ini.

UMS turut mencadangkan agar diwujudkan sebuah 'Research Station' di Labuan bagi memudahkan lebih ramai penyelidik dan pelajar untuk membuat kajian berkaitan pulau Labuan.

"Selain itu, UMSKAL sedia bekerjasama dengan Perbadanan Labuan, agensi kerajaan dan swasta untuk membangunkan Labuan melalui penganjuran pelbagai program yang dapat menjana ekonomi dan merancakkan industri pelancongan Labuan sekaligus menaikkan nama Labuan" katanya.

Turut dimaklumkan UMSKAL sentiasa memberi peluang dan keutamaan kepada peniaga dan kontraktor tempatan sekiranya terdapat keperluan di kampus tersebut. -Oleh JAINUDIN DJIMIN